

Tajuk : Kampung Sebayor akan dimaju sebagai homestay

Kampung Sebayor akan dimaju sebagai homestay

KOTA SAMARAHAN, Ahad - Kampung Sebayor di sini akan dibangunkan sebagai sebuah perkampungan perambahan (homestay) yang akan memberi keuntungan kepada komunitinya majoriti terdiri daripada masyarakat Iban.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim berkata, usaha itu akan dilakukan pihak UNIMAS menerusi Sonar Tribal yang merupakan gabungan tiga pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan dan ACE yang juga memilih Kampung Sebayor sebagai 'pet project' untuk dikembangkan.

Menurutnya, kedua dua kumpulan pelajar berkenaan berpandangan jauh dan berinspirasi untuk membangunkan ekonomi dan gaya hidup komuniti setempat.

"Kita sangat gembira dengan penglibatan pelajar ini dalam komuniti dan berharap jalinan kerjasama di antara UNIMAS dan penduduk Kampung Sebayor dapat dieratkan lagi melalui aktiviti yang diadakan oleh pelajar dan penduduk kampung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Sonar Tribal Giveback Weekend di balai raya Kampung Sebayor malam tadi.

Katanya, jika perancangan untuk menjadikan Kampung Sebayor berjaya dilaksanakan ia pasti memberi banyak manfaat kepada penduduk kampung.

Beliau memberitahu hasrat pelajar UNIMAS yang terdiri daripada anak muda itu sangat tinggi dengan dibantu sukarelawan yang merupakan rakan seperjuangan mereka serta dorongan dari UNIMAS dan modal awal dari DiGi akan menyaksikan keuntungan



CENDERAMATA ... Pelajar UNIMAS menyampaikan cenderamata kepada Henry Sinyut di Majlis Sonar Tribal Giveback Weekend di balai raya Kampung Sebayor Kota Samarahan malam kelmarin.

kepada komuniti.

"Ternyata dengan penglibatan penduduk Kampung Sebayor dalam projek ini, pendedahan Sonar tribal kepada dunia luar, ia telah membuka mata banyak pihak tentang kewujudan dan keisimetewaan Kampung Sebayor," ujarnya.

Katanya, Giveback Weekend itu merupakan rentetan daripada program bootcamp yang dianjurkan Sonar Tribal pada 10 hingga 12 Februari lalu.

"Menerusi program itu Sonar Tribal berjaya mencungkil bakat baru untuk diketengahkan dan terlibat bersama dalam pembikinan album EP mereka," jelasnya.

Menurutnya lagi, tujuan Giveback Weekend itu adalah sebagai tanda penghargaan kepada penduduk Kampung Sebayor yang banyak membantu memberi kerjasama dan sokongan kepada kedua dua kumpulan dalam menjayakan projek mereka.

Turut diadakan sempena majis itu ialah persembahan muzik oleh Sonar Tribal dan pembentangan oleh Kelab Kebudayaan Kampung Sebayor.

Hadir sama ialah Ketua Kampung Sebayor Henry anak Sinyut, Ketua Biro Kebudayaan dan Sukan Ivy Jeoffrey dan Ketua DiGi Bahagian Sarawak benny Wee.